

Agenda reformasi tekad politik bantu rakyat

BERITA HARIAN 22 APR 2024 m/s: 4

Kuala Lumpur: Agenda reformasi yang dilaksanakan Kerajaan MADANI ketika ini adalah tekad politik untuk membantu rakyat yang memerlukan tanpa mengira latar belakang politik mereka, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengambil contoh Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Perdana Menteri berkata, kerajaan

menyediakan RM10 bilion pada tahun ini berbanding RM8 bilion tahun lalu, yang memanfaatkan sembilan juta rakyat untuk meringankan beban mereka.

Selain itu, katanya, Sumbangan Asas Rahmah (SARA) ditambah lima kali ganda dari pada RM130 juta pada 2023 kepada RM700 juta tahun ini, manakala bantuan murid sekolah

dari Tahun Satu sehingga Tingkatan Lima bagi semua pelajar tanpa mengira bangsa, termasuk di Sabah dan Sarawak mencecah RM800 juta.

Berucap pada Konvensyen 25 Tahun PKR, di sini semalam, Anwar yang juga Presiden PKR, berkata kerajaan turut menjaga kebajikan penjawat awam menerusi kajian Sistem Saraan Per-

khidmatan Awam (SSPA) dengan cadangan penambahbaikan yang akan diumumkan 1 Mei nanti.

Perdana Menteri berkata, oleh sebab itu, kerajaan melaksanakan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) untuk membantu kerajaan memberikan bantuan kepada yang layak.

“Ini yang dikatakan *reform*.

Saya nak nasihatkan kawan-kawan yang bicara dan agak sinis terhadap *reform*, *reform* ini dalam erti kata apa manfaat kepada golongan miskin, pekerja ladang, nelayan di kampung, pekebun kecil Melayu, India di es-tet, penjawat awam. Ini yang mesti disampaikan dan ini memerlukan *reform*,” katanya.

BERNAMA